



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Hari Bertemu Pelanggan LHDN Diadakan Setiap Rabu - MoF](#)

🕒 Jumaat, Dis 13 2019



PUTRAJAYA, 13 Dis-- Hari Bertemu Pelanggan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) akan diadakan pada setiap Rabu bermula 8 Januari tahun depan, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Lim berkata, Hari Bertemu Pelanggan itu akan diadakan di Kaunter Setempat Tingkat 1, Blok 8A, Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur bermula 8 pagi hingga 5 petang.

Menurutnya, pegawai kanan Kementerian Kewangan dan LHDN akan bekerjasama dalam program itu bagi melangkaui formaliti dan sebagai inisiatif bersama untuk memudahkan urusan pembayar cukai serta orang ramai berkaitan dengan isu cukai langsung.

"Semua pembayar cukai yang mempunyai masalah atau aduan berkaitan dengan LHDN diminta menghadiri hari bertemu pelanggan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lim berkata program sinergi itu dianjurkan sebagai platform tambahan untuk mendekatkan para pelanggan terutamanya pembayar cukai dengan Kementerian Kewangan dan LHDN disamping dapat memperkenalkan produk perkhidmatan terbaharu kementerian dan agensi percukaian itu.

Orang ramai termasuk pembayar cukai, ejen cukai, badan profesional, para akauntan dan orang awam dialu-alukan hadir ke program berkenaan, katanya.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF	
Perkhidmatan Atas Talian	<
Aplikasi Mudah Alih	
Laman Mikro	<
e-Penyertaan & Maklumbalas	<
Statistik & Prestasi	<
Pautan	<
Agensi	<

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

